

# Pusat tak puas hati penilaian tanah di Langkawi

14 DEC 1992

LANGKAWI 13 Dis. — Kerajaan Pusat masih tidak puas hati tentang penilaian semula harga tanah yang begitu tinggi di Pulau Langkawi, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Kata beliau, walaupun tujuannya supaya kerajaan negeri mendapat cukai yang banyak daripada penilaian harga yang tinggi itu, tetapi dalam masa yang sama Kerajaan Pusat pula terpaksa membayarnya dengan harga yang tinggi jika memerlukan tanah untuk pembangunan.

"Ini juga bermakna Kerajaan Pusat terpaksa membayar cukai kepada kerajaan negeri untuk membangunkan Langkawi," katanya kepada pemberita selepas melawat projek-projek pembangunan di sini hari ini.

Bagi mengatasi masalah ini, Dr. Mahathir berharap kerajaan negeri

hendaklah berpegang kepada prinsip dengan menetapkan nilai yang tepat dan bukannya berdasarkan penilaian yang tidak menentu bagi mengutip cukai dengan banyak.

Perdana Menteri juga berkata, sekiranya ada orang-orang yang menipu dalam penjualan tanah, beliau berharap supaya disiasat sama ada harga yang dibayar lebih daripada harga yang dinyatakan.

Mengenai pembangunan Langkawi keseluruhannya, Perdana Menteri berkata, ia berjilid dengan pesat sementara promosi pelancongan di luar negara juga berjaya menarik lebih ramai pelancong ke pulau ini.

Umpamanya, kata beliau, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi kini adalah ketiga paling sibuk selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dengan mengendalikannya lebih 20 penerbangan sehari.

Namun begitu, beliau berharap Penerbangan Malaysia (MAS) akan mengadakan perkhidmatan yang lebih banyak di masa akan datang berdasarkan prrtambahan kehadiran para pelancong.

Mengenai kebersihan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memperuntukkan RM11 juta untuk menyediakan perparitan bagi menyalurkan air kotor daripada chalet sepanjang pantai.

Beliau menjelaskan kebersihan sepanjang pantai di Pulau Langkawi perlu diberi perhatian kerana air kotor daripada chalet mencemari pantai dan laut hingga menimbulkan rungutan para pelancong.

"Walaupun promosi pelancongan yang dijalankan oleh para pengusaha hotel berjaya menembusi negeri-negeri Eropah, tetapi kekotoran yang berlaku di pantai sudah pasti akan menjejaskan imej dan industri pelancongan di pulau ini," ujarnya.